



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**Enam premis perniagaan di kompaun gagal patuhi Akta Kawalan Harga,
Penggal 142 dalam bulan Jun dan Julai 2024**

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan enam (6) kompaun dengan jumlah keseluruhan sebanyak \$3,200.00 kepada enam (6) buah premis perniagaan atas kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya di sepanjang bulan Jun dan Julai tahun ini.
2. Berikutan aduan pengguna yang diterima dan pemeriksaan rutin ke premis-premis perniagaan di bawah mandat penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dalam bulan Jun dan Julai 2024, JPES telah mendapati premis perniagaan tersebut di bawah melakukan kesalahan menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi barang yang dikawal harga iaitu minyak masak dan susu tepung formula serta mempamerkan tanda harga yang tidak selaras dengan harga di dalam sistem kaunter pembayaran. Keterangan kesalahan dan jumlah kompaun yang dikenakan menurut kekerapan kesalahan dibuat adalah seperti berikut:

Bil.	Syarikat Perniagaan	Kesalahan	Kompaun
1	Iburia Sdn Bhd Kg. Kiarong	Bab 3B berkaitan harga dan bayaran maksimum bagi barang yang dikawal harga	\$500.00
2	Dayang Limah & Anak-anak Kg. Lambak Kiri		\$500.00
3	Hasbollah Yusof Mini Mart Kg. Petani		\$500.00
4	Salina's Mart Kg. Telanai		\$500.00
5	Syarikat Hazwandi Kg. Kapok		\$500.00
6	Ya Nur Trading Company Sdn Bhd Kg. Batu Apoi	Bab 5 berkaitan paparan tanda harga	\$700.00


3. Bulan Jun dan Julai 2024 juga merekodkan sebanyak empat (4) Notis Amaran dikeluarkan kepada empat (4) buah premis perniagaan kerana gagal mempamerkan tanda harga bagi sebahagian barang yang dijual di dalam premis perniagaan dan mempamerkan tanda harga yang tidak selaras dengan harga di dalam sistem kaunter pembayaran.
4. Peniaga diingatkan untuk melaksanakan tanggungjawab bagi mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya dengan mempraktikkan amalan perniagaan yang beretika dan wajar ke arah meningkatkan keyakinan pengguna dan menjana pertumbuhan perniagaan yang mampu dalam jangka panjang.
5. Pengguna digalakkan untuk mengoptimakan penggunaan saluran-saluran rasmi iaitu aplikasi mudah alih PenggunaBijak, hotline Talian Darussalam 123 dan e-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn bagi menyalurkan aduan atau maklum balas berkaitan dengan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dengan menyertakan maklumat lengkap termasuk dokumen sokongan seperti resit pembayaran untuk penelitian lanjut.
6. Maklumat mengenai Akta Kawalan Harga, Penggal 142 boleh diperolehi melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak dan laman sesawang JPES di www.deps.mofe.gov.bn.

#####

Disediakan oleh:

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
E-mel: dca@jpes.gov.bn

Rujukan : (31) JPES/CAD/AKTA/Pt.12
Tarikh : 24 Safar 1446 / 29 Ogos 2024



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

**Six business premises compounded for violations of Price Control Act,
Chapter 142 in June and July 2024**

1. The Department of Economic Planning and Statistics (JPES) under the Ministry of Finance and Economy has issued six (6) compounds with a total amount of \$3,200.00 to six (6) business premises for offences under the Price Control Act, Chapter 142 and its Regulations throughout June and July this year.
2. Following consumer complaints and routine inspections of business premises under the enforcement of the Price Control Act, Chapter 142 in June and July 2024, JPES found the following businesses have violated the Act by selling price-controlled items, namely cooking oil and formulated powdered milk above the set maximum price and displaying prices which were inconsistent with the prices in the counter payment system. The detail of offences and value of compound based on frequency of violations are as follow:

No.	Business Premise	Offence	Compound
1	Iburia Sdn Bhd Kg. Kiarong	Section 3B pertaining to maximum prices and charges for price-controlled items	\$500.00
2	Dayang Limah & Anak-anak Kg. Lambak Kiri		\$500.00
3	Hasbollah Yusof Mini Mart Kg. Petani		\$500.00
4	Salina's Mart Kg. Telanai		\$500.00
5	Syarikat Hazwandi Kg. Kapok		\$500.00
6	Ya Nur Trading Company Sdn Bhd Kg. Batu Apoi	Section 5 pertaining to price display	\$700.00

3. The month of June and July 2024 also recorded a total of four (4) Warning Notices issued to four (4) business premises for non-display of prices for some of the items found in the business premises and price inconsistency between the prices displayed and the prices in the counter payment system.
4. Businesses are reminded to carry out their responsibility in complying with the Price Control Act, Chapter 142 and its Regulations by practicing ethical and fair business conducts, towards enhancing consumer confidence and fostering sustainable business growth in the long run.
5. Consumers are encouraged to optimise the use of official channels, namely the PenggunaBijak mobile application, hotline Talian Darussalam 123 and email consumercomplaint@jpes.gov.bn to lodge complaints or feedbacks related to the Price Control Act, Chapter 142 with supporting documents such as payment receipts, for further assessment.
6. More information on the Price Control Act, Chapter 142 can be found in the PenggunaBijak mobile application and JPES's website at www.deps.mofe.gov.bn.

#####

Prepared by:
Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Email: dca@jpes.gov.bn

Reference: (31) JPES/CAD/AKTA/Pt.12
Date: 24 Safar 1446 / 29 August 2024